

Pelaksanaan Prinsip *al-Bay' Bithaman Ājil* Dalam Penggunaan Kad Kredit Islam: Suatu Kajian di Arab-Malaysian Bank Berhad

Joni Tamkin Bin Borhan

Abstract

This article will discuss the doctrine of al-bay' bithaman ājil in Islamic Commercial Law as have been developed by Fuqahā' and Muslim Economists in their works and its application in the usage of Islamic credit card as offered by Arab-Malaysian Bank Berhad.

Pendahuluan

Penggunaan kad kredit pada masa ini dilihat sebagai satu trend yang semakin meningkat di kalangan orang ramai untuk memudahkan mereka melakukan urusan di dalam dan di luar negara tanpa perlu membawa sejumlah wang tunai yang banyak. Penulisan ini adalah untuk menganalisis akad *al-Bay' Bithaman Ājil* dalam Fiqh Muamalah dan pelaksanaannya dalam penggunaan kad kredit Islam dengan tumpuan kepada kad kredit AMBank *Al-Taslif VISA* yang dikeluarkan oleh Arab-Malaysian Bank Berhad. *Al-Bay' Bithaman Ājil* adalah salah satu instrumen pembiayaan yang berasaskan kepada Muamalah Islam yang dibentuk dari keharusan

akad jual beli seperti mana firman Allah SWT dalam ayat 275 surah al-Baqarah. Ia adalah alternatif yang praktikal kepada individu Muslim dan bukan Muslim dalam urusanniaga dan kegiatan perekonomian harian mereka untuk mengelakkan daripada urusanniaga yang berasaskan kepada riba yang diharamkan oleh Islam.

Prinsip *al-Bay' Bithaman Ājil*

a) Definisi *al-Bay' Bithaman Ājil*

Sebelum didefinisikan istilah *al-Bay' Bithaman Ājil*¹ (BBA), penulis akan mendefinisikan dahulu ketiga-tiga perkataan yang membentuk BBA tersebut. *Al-Bay'* (kata jamaknya *al-Buyū'*) (jual beli) dari sudut bahasa mempunyai dua makna yang bertentangan. Ia boleh memberi makna sama ada jual (*sale*) atau pun beli (*buy(ing)/purchase*). Oleh itu *bay'* bererti menukar suatu barang dengan suatu barang yang lain² (*to exchange property for property*). Ini adalah makna yang digunakan oleh para Fuqaha' dalam penulisan mereka tetapi mereka menambahkan beberapa syarat tertentu yang lain. *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* mendefinisikan jual beli sebagai "pertukaran harta dengan harta".³ Para Fuqaha' mendefinisikannya sebagai pertukaran harta dengan harta secara suka sama suka [reda-meredai (*mutual consent*)] atau melalui prosedur tertentu yang berfaedah iaitu dengan tawaran (*ijāb*) atau unjuk-mengunjuk, atau bertujuan memindahkan hak pemilikan atau mendapatkan pemilikan.⁴ Ibn Rushd (m. 595H.) dari Mazhab Maliki mendefinisikannya sebagai memindahkan pemilikan dengan adanya balasan (*consideration*). Sementara al-Bawḍawī (m. 615H.) berpendapat bahawa jual beli ialah memindahkan hak pemilikan yang berbentuk fizikal dan manfaat dengan balasan berbentuk kewangan yang berbentuk kekal.⁵ Daripada perbincangan di atas dapatlah dinyatakan bahawa *al-bay'* merangkumi beberapa aspek iaitu suatu transaksi pertukaran barangan tertentu yang berasaskan akad yang sah di sisi Syarak yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dan kedua-dua pihak yang berakad hendaklah bersetuju dan reda-meredai dengan akad yang dikuatkuasakan tersebut.

Perkataan *thaman* bermakna harga. Ia adalah nilai yang ada pada sesuatu barang ketika urusanniaga itu dibuat serta mendapat persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu penjual dan pembeli.⁶

Sementara perkataan *Ajal* bermakna suatu masa yang tertentu. Kebiasaannya penggunaan perkataan ini di dalam al-Qur'an disambungkan dengan lafaz *musammā* yang memberi pengertian masa akan datang yang ditetapkan. Umpamanya firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berhutang hingga masa yang ditetapkan, hendaklah kamu tuliskan dan hendaklah seorang penulis

di antaramu menulisnya dengan keadilan...’’⁷

Daripada pengertian secara harfiah yang terdiri daripada tiga perkataan tersebut, BBA telah didefinisikan dengan pelbagai definisi seperti berikut. Ada yang mendefinisikannya sebagai jualan dengan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur (*al-taqṣīṭ*).⁸ Dr. Sobri Salamon menjelaskan ianya sebagai perjanjian jualbeli barangan tertentu antara pemilik barangan tersebut kepada pembeli dengan serta-merta dan pembeli menangguhkan bayaran harga barangan tersebut sehingga tempoh tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.⁹ *Al-Mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah wa al-‘Amaliyyah li al-Bunūk al-Islāmiyyah* mendefinisikannya sebagai penjualan sesuatu barangan dengan didahulukan atau disegerakan penyerahan barangan yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran ansuran (*al-taqṣīṭ*).¹⁰ Jualan ini adalah berlawanan dengan jualan *al-salam* dari sudut bentuknya kerana dalam jualan *al-salam* bayaran harganya dibuat secara tunai dan penyerahan barang ditangguh kepada suatu masa yang tertentu.

Dalam amalan Bank Islam di Malaysia khususnya, prinsip ini digunapakai antaranya untuk pembiayaan pemilikan harta kepada pelanggan. Dalam urusan ini pembiayaan (Bank Islam) akan membeli sesuatu barangan tertentu yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjual semula harta yang dibelinya itu kepada pelanggan berkenaan dengan harga pokok dan kadar keuntungan yang dipersetujui bersama. Bagaimanapun, pelanggan berkenaan akan membayarnya secara bertangguh mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan dibayar dengan jumlah tertentu secara beransur-ansur.¹¹

Daripada perbincangan di atas dapatlah dikatakan bahawa akad BBA adalah satu bentuk pembiayaan harta secara Islam yang mana barangan yang dijual diserahkan kepada pembeli pada masa akad dibuat dan pembayaran harga beserta dengan kadar keuntungan tertentu yang dipersetujui bersama antara penjual dan pembeli dilakukan secara sekali gus pada masa hadapan atau secara ansuran bulanan atau tahunan dalam jangka masa yang tertentu yang juga dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.¹² Pada masa sekarang BBA merupakan salah satu instrumen dalam sistem perbankan dan kewangan Islam yang maju dan berdaya saing yang memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak mampu membeli dengan membuat pembayaran secara tunai dan alternatif kepada sistem riba dalam urusan secara konvensional.

b) Asas Akad BBA

Ayat-ayat al-Qur'an al-Karim

Meskipun pada zaman Rasulullah tidak terdapat satu jenis akad jual beli barangan secara bertanggung seumpama BBA yang diamalkan pada hari ini, namun kebanyakan para Fuqaha' telah menerima keharusan akad BBA ini berdasarkan kepada keumuman ayat-ayat al-Qur'an yang mengharuskan akad jual beli dan ayat yang menggesa supaya urusan hutang itu ditulis. Ini adalah untuk keperluan dan kemaslahatan Ummah, di samping kesesuaiannya dengan roh dan tujuan Syariah. Antaranya firman Allah SWT yang bermaksud:

"...Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".¹³

Ayat ini menghalalkan akad jual beli tetapi mengharamkan urusan yang berasaskan amalan riba. BBA adalah salah satu mekanisme dalam jual beli yang diharuskan oleh Islam asalkan ianya tidak mengandungi unsur-unsur riba, cukup rukun-rukun dan syarat-syarat jual beli seperti terdapat dalam Muamalah Islam.

Dalam Surah al-Nisā' (4) ayat 29 Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan reda-meredai sesama kamu"*. Ayat ini menghalalkan pengambilan keuntungan dalam akad jual beli dengan cara yang halal. Jual beli tersebut perlu dilakukan secara reda-meredai antara kedua-dua pihak yang terlibat, tanpa ada tipuan, penindasan atau sebarang tindakan yang tidak disukai oleh kedua-dua belah pihak atau salah satu pihak. Oleh itu akad BBA adalah satu urusan yang bertujuan mendapat keuntungan yang dilakukan secara reda-meredai antara pihak-pihak yang terlibat. Ahli-ahli ekonomi Islam seperti Dr. Siddiq al-Darir berpendapat berdasarkan ayat ini amalan BBA dalam operasi di bank-bank Islam adalah harus sebagai media dan instrumen pelaburan Islam. Namun begitu dua perkara penting harus dipatuhi supaya kebajikan masyarakat tidak terhapus iaitu:

Pertama: Perbezaan antara harga barang yang dibeli oleh pelanggan untuk tujuan perdagangan dan keperluan, dan keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank Islam hendaklah rendah. Ini akan memberikan kebajikan dan kesejahteraan kepada masyarakat.

Kedua: Sekiranya urusan itu melibatkan jumlah wang yang besar seperti pembelian bangunan-bangunan perniagaan, pihak yang terlibat seperti bank mempunyai pilihan sama ada membeli tanah dan membangunkan rumah di atasnya, kemudian dijual semula kepada pelanggan dengan harga tangguh, atau Bank membeli rumah tadi dan dijual kepada pelanggan dengan harga tangguh.¹⁴

Dalam ayat yang lain Allah SWT¹⁵ tidak melarang akad jual beli yang mengharapkan keuntungan asalkan ianya dilakukan berpandukan lunas-lunas Islam.

Dalam ayat 282 surah al-Baqarah Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga ke satu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dengan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seseorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar). Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu di susahkan”.

Ayat ini jelas mengharuskan akad jual beli dalam bentuk tunai yang mempunyai saksi. Sementara jual beli secara hutang pula hendaklah dilakukan secara bertulis yang bertujuan untuk memudahkan kedua-dua pihak yang berakad dan mengelakkan salah faham dan permusuhan di kemudian hari. Keharusan urusanniaga secara hutang seperti yang terdapat dalam ayat ini bersesuaian dengan konsep akad BBA yang dilakukan secara berhutang. Ibn ‘Abbās (r.a.) menjelaskan bahawa hutang yang dimaksudkan di dalam ayat di atas ialah hutang dan jual *salaf* atau *salam* iaitu *bay' al-salam*. Al-Imām al-Shāfi‘ī menqiyaskan *salaf* dengan hutang, maka penjualan sesuatu barangan secara hutang (seperti dalam transaksi BBA) atau harga tangguh adalah dibenarkan kerana termasuk di dalam kategori hutang yang dibenarkan oleh Islam.¹⁶

Hadīth-Hadīth Rasulullah SAW

Antara hadīth Rasulullah SAW berkenaan dengan urusanniaga secara hutang ialah daripada ‘Ā’ishah (r.a.) yang bermaksud:

“Sesungguhnya Nabi SAW telah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan menanggungkan bayaran kepada tempoh yang ditentukan dan mencagarkan baju besinya sebagai jaminan.”¹⁷

Hadīth ini jelas menunjukkan bahawa BBA iaitu urusanniaga jualan barangan dengan bayaran harganya ditanggungkan ke satu masa yang tertentu pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Dalam kes lain seorang Sahabat iaitu Mūsā bin Maysarah pernah mendengar ada seorang lelaki bertanya kepada Sa‘īd bin al-Musayyab, katanya:

*“Sesungguhnya aku ingin menjual dengan hutang”, lalu Sa‘īd bin al-Musayyab menjawab, “Jangan kamu jual kecuali yang telah kamu peroleh”.*¹⁸

Meskipun riwayat ini daripada sumber sahabat, namun jelas menunjukkan bahawa urusan secara jualan tangguh diharuskan ke atas harta yang diperolehi oleh penjual dan menjadi harta miliknya yang sah.¹⁹

Ijma' Ulama'

Kebanyakan Ulama' Fiqh mengharuskan jual beli barangan dengan bayaran tangguh. Antaranya al-Imām al-Shāfi'ī berpendapat bahawa tidak mengapa seorang lelaki menjual barangan dengan bayaran tangguh dan membelinya semula dari pembeli itu dengan bayaran tunai yang lebih rendah.²⁰ Al-Imām Mālik juga mengharuskan jual beli dengan harga tangguh, katanya:

“Sesungguhnya membeli barang dari orang lain dengan janji dia akan membayar harga barang itu pada tempoh masa yang tertentu, tiba-tiba sipenjual tidak bersetuju dengan tempoh tersebut, lalu pembeli ingin mengembalikan barang itu kepada penjual itu semula. Maka dalam hal ini pembeli tidak salah, sebaliknya penjual hendaklah menerimanya. Tetapi sekiranya penjual datang menyerahkan semula barang tersebut kepada pembeli sebelum habis tempoh, maka pembeli harus menerimanya”.²¹

Ibn Qudāmah, seorang faqih daripada Mazhab Ḥanbali menyatakan, “sesiapa yang menjual barang dengan harga tangguh, kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih rendah dengan bayaran tunai, adalah tidak harus menurut pandangan ramai Ulama'. Ini adalah menurut riwayat Ibn 'Abbās, 'A'ishah, al-Ḥasan, Ibn Sīrīn, al-Sha'bi dan al-Nakha'ī. Sementara Abū Ziyād, Abū Ḥanīfah, 'Abd al-'Azīz bin Abī Salamah, al-Thawrī, al-Awzā'ī, al-Imām Mālik, Ishāq dan al-Imām Ibn Ḥanbal mengharuskan jualan seperti di atas tersebut.²²

Ibn al-Humām, seorang faqih daripada Mazhab Ḥanafī pula berpendapat bahawa sesiapa yang menjual sesuatu barangan dengan harga tunai dan kemudian menangguhkan bayarannya dalam tempoh yang ditetapkan, maka hukumnya sah dan jadilah hutang. Sebaliknya jika sekiranya ia menangguhkannya dalam tempoh yang tidak diketahui langsung seperti sehingga musim ribut atau musim hujan, maka jualan tangguh itu tidak sah.²³

Perkara penting yang perlu dipertimbangkan oleh pihak yang terlibat dengan urusan niaga BBA ini ialah tidak berlaku unsur-unsur *ribā al-faḍl* dan *ribā al-nasi'ah*. *Ribā al-faḍl* boleh berlaku apabila urusan niaga itu melibatkan pertukaran barangan yang sejenis, barangan disukat dan ditimbang dengan melebihkan bayaran tunainya. Sementara *ribā al-nasi'ah* berlaku apabila pertukaran barangan yang sejenis, yang disukat dan ditimbang itu dilebihkan bayaran pada barangan tersebut secara tangguh. Oleh itu harta yang tidak sama jenis, bukan dari jenis yang disukat dan

ditimbang oleh dijual beli secara tangguh dan boleh dibayar secara lebih daripada harga asal. Umpamanya seorang yang membeli matawang Rial (Arab Saudi) dengan matawang Junaih (Mesir) yang lebih mahal daripada harga tunainya dengan cara tangguh, adalah harus kerana bukan dari jenis yang sama.²⁴

c) Rukun BBA

Rukun akad BBA adalah sama seperti rukun akad jual beli kerana ia adalah salah satu instrumen pembiayaan dalam perbankan dan kewangan Islam yang berasaskan kepada transaksi jual beli. Rukun akad BBA ialah:

- (a) Dua pihak yang berakad (Penjual/pembiaya dan pembeli/pelanggan),
- (b) Harta (aset) atau barang yang diakadkan dan harga pembiayaan, dan
- (c) *Ṣighāh* akad (*ijāb* dan *qabūl*).

Rukun Pertama: Pembiaya dan Pelanggan

Rukun pertama dalam akad BBA ialah penjual yang dikenali sebagai pembiaya dan pembeli yang dikenali sebagai pelanggan. Dalam akad ini pembiaya akan bertindak membelikan barangan atau harta (aset) yang dikehendaki oleh pelanggan daripada pembekal atau vendor. Kemudian pembiaya akan menjualkan aset tersebut kepada pelanggan dengan menggunakan harga yang lebih setelah dimasukan kadar keuntungan tertentu yang dipersetujui dan harga tersebut dibayar secara tangguh. Sebagai pembiaya dan pelanggan, kedua-duanya mestilah memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang diwajibkan oleh Syara' supaya akad yang dibuat itu sah dan berkuatkuasa di sisi undang-undang. Oleh itu para Fuqaha' menetapkan bahawa mereka hendaklah terdiri daripada orang yang waras akal fikirannya, berakal dan cerdik yang telah mencapai umur baligh. Mereka juga hendaklah tidak termasuk ke dalam golongan yang dianggap bodoh (*safīh*), kanak-kanak yang belum berakal, dan orang yang disekat (*mahjūr 'alayh*) daripada menjalankan urusaniaga oleh Syara'.

Bagi kanak-kanak, tidak sah akadnya jika dia belum mumayyiz. Walau bagaimanapun, dalam mazhab Shāfi'ī, kanak-kanak yang mumayyiz tidak sah akadnya kecuali dengan izin daripada walinya. Dalam kes ini, terdapat empat kategori orang yang tidak sah akadnya iaitu orang gila, hamba sekalipun sudah mukallaf, orang buta dan kanak-kanak sekalipun sudah mumayyiz.²⁵

Mazhab Hanbalī berpendapat, jika perkara yang diakadkan itu jumlahnya kecil atau sedikit, maka akad yang dilakukan oleh kanak-kanak meskipun belum mumayyiz adalah sah. Sebaliknya jika perkara yang diakadkan itu bernilai besar atau banyak, maka akadnya tidak sah meskipun diizinkan oleh walinya.²⁶

Menurut Mazhab Mālikī pihak-pihak yang berakad itu mestilah seorang yang

mukallaf, cerdas, tidak bodoh, tidak ada unsur-unsur paksaan ke atas kedua-dua pihak yang berakad, mempunyai pemilikan sempurna ke atas perkara yang diakadkan. Akad itu juga dianggap sah jika dilakukan oleh kanak-kanak yang sudah mumayyiz. Bagaimanapun orang gila, hilang akal dan mabuk tidak sah akadnya.²⁷

Fuqaha' Mazhab Hanafi juga menganggap akad kanak-kanak yang sudah mumayyiz, mempunyai kuasa pemilikan ke atas perkara yang diakadkan atau mempunyai hak selaku wakil atau wasi atau kerabat, adalah sah dan berkuatkuasa. Oleh itu menurut mereka kanak-kanak yang sudah mumayyiz boleh melakukan akad dengan syarat ia mengetahui prosedur dan tata cara jual beli.²⁸

Perbincangan oleh para Fuqaha' tersebut menunjukkan bahawa untuk menjadikan sesuatu akad itu sah, pihak-pihak yang berakad mestilah terdiri daripada mereka yang mukallaf iaitu baligh, berakal, cerdas, mempunyai kuasa pemilikan ke atas perkara yang diakadkan dan reda-meredai antara satu sama lain. Akad yang dimeterai itu juga tidak mengandungi unsur-unsur paksaan dan tidak ada perkara-perkara yang menjadi halangan sesuatu akad itu dilakukan seperti muflis, hilang akal, gila, mabuk, bodoh dan sakit tenat yang boleh membawa maut.

Dalam amalan institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, syarat-syarat tertentu yang dilihat selari dengan Syariah diletakkan kepada para pelanggan sebelum sesuatu urusan dilakukan. Antara syarat-syarat tersebut ialah para pelanggan mestilah mempunyai had umur 15 atau 18 tahun ke atas supaya mereka memahami benar-benar yang diakadkan dan bertanggungjawab melaksanakan perkara yang diakadkan seperti membayar ansuran bulanan dan sebagainya. Pelanggan disyaratkan telah bekerja tetap dan pendapatan satu pertiga dari gaji bulannya lebih atau sama besar dengan ansuran bulanan yang perlu dibayar kepada pihak pembiaya. Bagi pemohon yang tidak dapat memenuhi syarat ini, mereka boleh berkongsi permohonan dengan pihak lain dan sama-sama membayar ansuran bulanan berkenaan. Ada sesetengah pihak pembiaya meminta pelanggan memberikan sejumlah tertentu cagaran deposit umpamanya untuk tiga bulan ansuran sebagai antara syarat sesuatu akad itu boleh dimeterai. Para pelanggan juga diminta memastikan barangan atau perkara yang diakadkan itu digunakan untuk tujuan yang sah menurut hukum Syarak. Pembiayaan yang dipastikan untuk tujuan yang bertentangan dengan Syarak tidak akan diluluskan oleh pihak pembiaya.

Rukun Kedua: Harta dan Harga Pembiayaan

Harta atau aset dan harga adalah dua perkara yang mesti dinyatakan dalam sesuatu akad. Harta adalah perkara yang dijual oleh pembiaya, dan harga ialah balasan yang mesti ditunaikan oleh pelanggan. Harta yang menjadi subjek akad disyaratkan suci dan bersih menurut Syarak iaitu bersih pada zatnya dan halal pada hukumnya. Tidak boleh melakukan urusan pada sesuatu yang najis seperti arak,

bangkai, khinzir, anjing, barangan yang terkena najis dan sebagainya. Dalam hal ini Rasulullah SAW telah bersabda, maksudnya: “*Sesungguhnya Allah dan Rasulnya telah mengharamkan jual beli arak, bangkai, khinzir dan patung berhala*”.²⁹ Harta yang diakadkan itu juga hendaklah terdiri daripada jenis barangan yang bermanfaat menurut Syarak, milik penuh pembiaya, boleh diserahkan dan diketahui oleh pihak-pihak yang berakad.

Persoalan harga dalam sesuatu akad juga hendaklah dinyatakan dengan jelas semasa akad. Harga kos (harga asal) dan keuntungan hendaklah diketahui oleh pembiaya dan pelanggan. Kedua-duanya hendaklah membuat persetujuan jumlah bayaran dengan tepat, bentuk bayaran dan jenis matawang yang digunakan. Dalam akad BBA jumlah bayaran, tempoh ansuran dan bayaran ansuran bulanan hendaklah diperincikan supaya tidak menimbulkan masalah di kemudian hari.

Rukun Ketiga: *Ṣīghah (ijāb dan qabūl)*

Maksud *ṣīghah* ialah dua lafaz akad perjanjian jual beli yang diucapkan oleh pembiaya dan pelanggan. *ijāb* ialah lafaz pernyataan untuk berakad yang diucapkan oleh pembiaya dan *qabūl* ialah lafaz pernyataan untuk berakad yang diucapkan oleh pelanggan.³⁰ Antara lafaz *ijāb* ialah seperti pembiaya mengucapkan akadnya “saya jual kereta ini dengan harga RM 20,000.00 yang bayarannya secara tangguh”. Kemudian pelanggan akan melafazkan *qabūl*nya dengan katanya, umpamanya, “saya beli kereta ini dengan harga RM20,000.00 yang bayarannya secara tangguh”. Menurut para Fuqaha’, lafaz *qabūl* boleh didahulukan daripada lafaz *ijāb* seperti kata pelanggan “Saya beli kereta ini dengan harga RM20,000.00 yang bayarannya secara tangguh” dan pembiaya melafazkan *ijāb*nya dengan katanya: “Saya jual kereta ini dengan harga RM20,000.00 yang bayarannya secara tangguh”.

Perbincangan para Fuqaha’ berkenaan dengan *ṣīghah* dapatlah diringkaskan seperti berikut,³¹ iaitu;

- a) Setiap *ijāb* dan *qabūl* mestilah menggambarkan secara jelas kehendak pihak yang melakukan akad tersebut. Oleh itu ianya hendaklah dilakukan oleh orang yang berkelayakan di sisi Syarak sebagaimana yang dijelaskan terdahulu dari ini.
- b) *Qabūl* mestilah bersesuaian dengan *ijāb*. Tujuan syarat ini ialah supaya kedua-duanya mempunyai objektif yang sama. Seperti dimisalkan di atas kedua-dua pihak yang berakad menyebutkan jumlah harga yang dipersetujui dalam akad BBA itu iaitu RM20,000.00. Jika jumlah harga itu tidak sama, akad itu dianggap tidak sah kerana tidak wujud persamaan antara tawaran dan penerimaan.
- c) Setiap pihak yang berakad memahami kehendak pihak yang satu lagi.

- d) Penerimaan hendaklah bersambung dengan tawaran. Syarat ini bermaksud tawaran dan penerimaan hendaklah dibuat dalam majlis akad yang sama dan tanpa diselangi oleh sesuatu yang tidak berkaitan dengannya. Menurut jumah Fuqaha' yang dimaksudkan bersambung tawaran dan penerimaan ialah akad itu dilakukan dalam majlis yang sama. Mereka tidak menentukan jarak masa antara tawaran yang dibuat oleh pihak pembiaya dan penerimaan yang dibuat oleh pihak pelanggan. Yang ditekankan ialah penerimaan boleh dilakukan walaupun selepas beberapa waktu asalkan mereka masih berada dalam majlis akad.³² Sementara Fuqaha' Shāfi'i berpendapat penerimaan adalah dianggap bersambung apabila dilakukan terus sesudah tawaran dibuat tanpa diselangi oleh perbicaraan yang tidak berkaitan dengan akad. Menurut mereka jika tawaran dan penerimaan tidak dilakukan secara serta merta, akad tidak boleh berkuatkuasa.³³ Menurut pendapat yang *rājih*³⁴ yang dimaksudkan dengan majlis akad ialah kedua-dua pihak berada dalam majlis yang sama iaitu pada masa dan tempat yang sama. Dalam keadaan salah satu pihak tidak berada pada masa dan tempat yang sama, maka majlis akad wujud apabila berita tentang tawaran oleh pihak pembiaya dan penerimaan oleh pihak pelanggan sampai kepada pihak satu lagi melalui telefon, wakil, surat, e-mail, fax dan sebagainya.

Selain daripada perkataan yang terang dan difahami dalam melakukan akad atau apa yang biasa disebut sebagai komunikasi akad, ia boleh juga dilakukan secara isyarat, secara tulisan (surat) dan secara perbuatan atau tingkah laku (*al-mu'ātāh*). Dalam keadaan kedua-dua pihak berdiam diri tanpa melakukan komunikasi akad menggunakan cara-cara yang dinyatakan di atas, al-Sanhuri berpendapat cara ini tidak boleh dilakukan oleh pihak yang membuat tawaran (pemiaya) kerana tawaran tidak boleh difahami dengan cara berdiam diri semata-mata.³⁵ Berdasarkan pendapat ini akad boleh dilakukan apabila tawaran dilakukan dengan cara perkataan (lafaz) dan penerimaan dilakukan dengan cara berdiam diri.

Arab-Malaysian Bank Berhad

Arab-Malaysian Bank Berhad (AMBB) adalah anak syarikat (*subsidiary*) AMMB Holdings Berhad (AHB) yang diperbadankan pada 1 Ogos 1994 dan memulakan operasinya pada hari yang sama sebagai sebuah bank perdagangan tempatan. Pada asalnya Arab Malaysian Merchant Holdings Berhad asalnya ialah sebuah syarikat tekstil kecil yang ditubuhkan pada tahun 1965 dan mula beroperasi pada tahun 1968, yang beroperasi di Taiping, Perak yang membuat beg kain pelacu bagi kilang tepung, kain dan pelbagai jenis fabrik kekabu untuk pasaran tempatan dan luar negara.³⁶ Pada tahun 1972 syarikat ini menjadi syarikat awam dan disenaraikan di

kedua-dua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Saham Singapura (BSS). Setelah memperolehi beberapa perolehan dalam pelbagai bidang seperti perbankan, kewangan, insurans, pembangunan harta, penerokaan modal, pembrokeran saham dan pembinaan, pada tahun 1984 syarikat ini mengubah namanya daripada Taiping Textiles Berhad kepada Arab-Malaysian Development Bank berikutan perolehan sebanyak 45% daripada Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (AMMB). Pada bulan Mei 1991, AMMB, syarikat induk kumpulan ketika itu mendapat kebenaran dari Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan rancangan Skim Pengurusan yang melibatkan penubuhan syarikat pegangan baru bagi kumpulan. Pada masa yang sama kumpulan mencadangkan satu skim penyusunan semula yang melibatkan pemindahan kesemua pelaburan yang dipegang oleh AMMB di dalam Arab Malaysian Finance Berhad (AMFB), Arab Malaysian Credit Berhad (AMCB) dan Arab Malaysian Eagle Assurance Berhad (AMEAB) kepada syarikat pemegangan baru sebaik sahaja selesai skim tersebut. Untuk tujuan itu, AMMB Holdings Berhad (AHB) telah diperbadankan sebagai syarikat pegangan baru kepada kumpulan. Skim dan pemindahan pelaburan baru diselesaikan pada bulan Januari 1992.³⁷

Hasil daripada pengumuman oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Julai 1999, kumpulan Arab Malaysian telah dipilih menjadi salah satu daripada bank teras dalam program penggabungan kebangsaan untuk industri perbankan. Kumpulan Arab-Malaysian telah memulakan penggabungan dengan Utama Banking Group Berhad (UBG) yang juga melibatkan anak-anak syarikat AHB dan UBG. Memorandum persefahaman telah ditandatangani pada 25 Januari 2000 sebaik sahaja menerima kelulusan dari Bank Negara Malaysia.³⁸

Misi Korporat Arab-Malaysian Bank Berhad (AMBB)³⁹

Misi korporat AMBB ialah untuk mengukuhkan kumpulan kewangan utama yang menyediakan produk dan perkhidmatan yang inovatif kepada para pelanggan. Misi korporat ini diperincikan seperti berikut, iaitu;

1. Untuk memainkan peranan pembangunan yang positif dalam kemajuan ekonomi Malaysia.
2. Untuk menjadi lebih peka terhadap suasana pasaran berbanding dengan pesaing-pesaingnya dan untuk menjadi lebih dominan dalam aktiviti-aktiviti yang diceburi.
3. Untuk merintis dan mengambil peluang yang wujud daripada sebarang perubahan dalam suasana perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik, serta memberi penekanan terhadap kreativiti dan kecekapan.

4. Untuk menjadi majikan contoh dan terus memastikan yang kakitangannya mahir, bermotivasi dan cekap dengan etika kerja yang unggul.
5. Untuk mengoptimum pulangan kepada para pemegang saham dan meningkatkan nilai pelaburan mereka dalam syarikat.
6. Untuk berusaha menjadi sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dan prihatin.

Produk dan Perkhidmatan⁴⁰

AMBB menawarkan kepada para pelanggannya pelbagai produk dan perkhidmatan komersil termasuk perbankan Islam. Produk dan perkhidmatan berkenaan meliputi perkhidmatan deposit, perdagangan, pembiayaan dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan komersil. Perkhidmatan deposit yang ditawarkan ialah Akaun AMSTAR, Akaun Semasa, Akaun Simpanan Tetap, Akaun Simpanan, Akaun Saver' G.A.N.G., Interest Plus dan Akaun AMGenius. Beberapa produk perbankan runcit yang ditawarkan ialah pinjaman perumahan, pinjaman hakmilik komersil, *Overdraf* Peribadi, pinjaman berjangka, kewangan unit kawalan, akaun syer margin dan AMBank UNIC. Perkhidmatan kiriman wang yang ditawarkan kepada para pelanggan ialah cek kembara, pemindahan telegraf/pindahan tabungan, draf permintaan, kiriman juruwang, koleksi cek matawang asing dan penuaian cek kembara. Dalam perkhidmatan korporat, AMBB menawarkan beberapa bentuk produk iaitu pinjaman berjangka, pinjaman berhubung, pemindahan kredit, sindiket pinjaman, jaminan bon, kewangan projek, *overdraf* dan *Japanese Desk*. Dalam urusan yang berkenaan dengan perbendaharaan AMBB menawarkan pasaran wang, tukaran asing, produk korporat dan derivatif. Antara produk kewangan perdagangan yang disediakan oleh AMBB ialah surat kredit, jaminan penghantaran, jaminan bank, resit kawalan, penerimaan perbankan, bil pengeluaran pembelian, pungutan bil kemasukan/pengeluaran, pendahuluan kredit pembungkusan, diskaun bil tempatan dan pembiayaan semula kredit eksport.

Sebagai salah sebuah institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam AMBB menawarkan produk-produk berikut kepada para pelanggannya. Antara produk-produk tersebut ialah resit kawalan *al-murābahah*, bil penerimaan tanpa faedah, surat jaminan *al-kafālah*, jaminan penghantaran *al-kafālah*, kewangan semula kredit eksport tanpa faedah, perkhidmatan *al-wadī'ah* ATM dan AMBank *Al-Tasrif* VISA.

Kad Kredit Islam: AMBank Al-Tasliif VISA

Kad kredit AMBank Al-Tasliif⁴¹ VISA adalah kad kredit yang berasaskan kepada prinsip Islam yang pertama ditawarkan kepada para pelanggan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Ia adalah antara produk terbaru perbankan Islam di Malaysia. Kad yang berasaskan prinsip BBA (jualan dengan harga tangguh) ini mula dilancarkan oleh AMBB pada 30 September 1996.⁴² Objektif utama penawaran kad kredit Islam ini ialah untuk menggalak dan meningkatkan penggunaan kad kredit terutamanya di kalangan orang Islam, memberi tahap kepuasan yang tinggi kepada pelanggan serta mempunyai rasa sensitif terhadap keperluan Umat Islam, dan menjadikan AMBB institusi kewangan terulung menawarkan kad kredit berasaskan prinsip Syariah.⁴³

Ciri-ciri AMBank Al-Tasliif VISA

Ciri-ciri kad kredit yang berasaskan prinsip BBA yang ditawarkan oleh AMBB adalah seperti berikut:

1. Kad ini dikeluarkan atas nama VISA sahaja, berasaskan akad BBA dan dalam bentuk klasik sahaja.
2. Kad ini boleh dipohon oleh orang Islam dan bukan Islam yang memenuhi syarat permohonan.
3. Bayaran perkhidmatan sebanyak 12% akan dikenakan kepada pemegang kad sebagai kadar perolehan bank yang ditetapkan setahun.
4. Modus operandi kad ini adalah campuran antara *overdraft* dan kad kredit. Penggunaan dalam bentuk kad sebagai ganti kepada penggunaan cek.
5. Had deposit marginal (*credit limit*)⁴⁴ yang diperuntukan kepada para pelanggan adalah berdasarkan kepada kedudukan kewangan atau mengikut tahap penyelesaian semasa mereka.
6. Kad ini hanya boleh digunakan untuk urusan yang halal sahaja. Untuk tujuan ini, AMBB telah menetapkan beberapa kod perdagangan tertentu yang bagi tempat-tempat yang diharamkan penggunaannya.
7. Perkhidmatan pengeluaran wang tunai tidak dibenarkan di mesin-mesin ATM sebagaimana pemegang kad kredit konvensional kerana transaksi ini melibatkan bunga yang diharamkan.
8. Dua kad tambahan akan ditawarkan kepada pemegang kad berkenaan.

9. Yuran tahunan sebanyak RM80.00 akan dikenakan ke atas pemegang kad dalam akaun utama dan RM40.00 kepada pemegang kad tambahan.⁴⁵

Prosedur Permohonan, Pengeluaran dan Penggunaan Kad AMBank Al-Taslif VISA

Para pemohon sama ada orang Islam atau bukan Islam yang layak memohon kad ini adalah mereka yang berpendapatan tetap minimum RM18,000.00 setahun. Syarat ini dikenakan untuk memastikan mereka mampu membayar hutang yang dibuat hasil daripada penggunaan kad berkenaan. Pemohon juga hendaklah berumur 21 tahun bagi pemegang kad utama dan 18 tahun bagi pemegang kad tambahan. Had umur yang ditetapkan oleh pihak Bank dilihat bertepatan dengan keperluan akad sebagaimana yang digariskan oleh para Fuqaha' iaitu pihak-pihak yang berakad hendaklah berakal, cerdik dan cukup umur. Had umur ini juga melihat kepada persekitaran demografi di Malaysia yang kebiasaannya umur tersebut individu berkenaan telah berada dalam alam pekerjaan.⁴⁶ Setelah pihak Bank menerima permohonan kad kredit al-Taslif tersebut dan menyatakan Had Deposit Marginal (Had Kredit) yang diperuntukan kepada pelanggan tersebut, pelanggan diminta mengenalpasti mana-mana aset yang mempunyai nilai semasa yang sama dengan Had Kredit tersebut untuk memenuhi keperluan akad BBA. Harta tersebut hendaklah dipunyai secara mutlak oleh pelanggan dan bebas daripada sebarang tuntutan seperti hutang.

Sebelum kad dikeluarkan kepada pemegangnya dan menurut prosedur pembiayaan bank, akad BBA di antara Bank dan bakal pemegang kad dilakukan. Dalam akad ini, bakal pemegang kad bersetuju menjual asetnya pada harga tertentu yang menyamai Had Kredit yang dibenarkan kepadanya oleh pihak, dan bank bersetuju membeli asset tersebut pada harga yang dipersetujui tersebut. Bank akan menjual aset tersebut kepada bakal pemegang kad dengan harga jualan tertentu yang dipersetujui bersama iaitu harga belian campur margin keuntungan bank (umpamanya 12%).⁴⁷

Umpamanya A yang memohon kad kredit AMBank Al-Taslif VISA menjual asetnya, umpamanya komputer peribadinya, yang bernilai RM4,000.00 dan bank menjual semula komputer itu kepada A secara BBA iaitu jualan dengan harga tangguh dan tambahan untung tertentu seperti 12% iaitu RM4,480. Nilai ini akan dimasukkan dalam kad kredit pelanggan dan dibayar secara bertangguh. Sementara nilai RM4,000.00 ialah Had Kredit yang dibenarkan oleh bank kepada A.

Akad yang dilakukan antara pihak Bank dan bakal pemegang kad adalah untuk mengelakkan urusniaga yang berasaskan kepada riba. Sebagaimana yang

dibincangkan di atas bahawa jual beli dengan bayaran tangguh (BBA) itu diharamkan oleh Islam dan amalan riba diharamkan. Ini adalah kerana dalam amalan kad kredit konvensional, pihak bank akan mengenakan faedah atau bunga dari perkhidmatan kad kredit yang ditawarkan kepada para pelanggannya. Selain dari itu, akad BBA itu termeterai dengan kerelaan dan persetujuan (kerelaan) kedua-dua pihak yang terlibat melalui lafaz *ijāb* dan *qabūl*.

Para pelanggan dan pemegang kad juga diminta mencagarkan Akaun Simpanan *al-mudārabah* sebagai Deposit Sekuriti sebagai cara mengurangkan risiko tiada kemungkinan pembayaran balik dilakukan oleh pelanggan. Akaun ini merupakan akaun pelaburan yang diubahsuai sebagai akaun simpanan dan diuruskan di bawah prinsip *al-mudārabah*. Jika pemegang kad tidak melakukan pembayaran hutang secara bulanan yang berjadual sebagaimana yang dipersetujui, bank akan memotong jumlah berkenaan daripada akaun ini.⁴⁸ Syarat meletakkan cagaran ini tidak bertentangan dengan Islam kerana ia bertujuan untuk mengelakkan sebarang pertelingkahan di antara kedua-dua pihak yang terlibat dalam akad di kemudian hari. Bahkan sebagaimana dijelaskan terdahulu dari ini, amalan meletakkan cagaran ini pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam kes Baginda membeli gandum dari seorang Yahudi secara berhutang dan mencagarkan baju besinya.

Para pemegang kad boleh membayar balik hutang yang dibuat seperti yang tercatat dalam penyata kad secara bayaran penuh atau bayaran bulanan minimum sebanyak 15% atau bayaran yang tidak kurang daripada jumlah RM50.00, mengikut mana-mana yang tinggi. Dalam perkataan lain bayaran minimum bulanan tidak boleh kurang daripada RM50.00.⁴⁹ Umpamanya pemegang kad telah melakukan urusan dengan kad kredit Islamnya sejumlah RM1000.00 pada bulan Januari, maka beliau perlu membayar balik hutangnya pada kadar minimum 15% iaitu RM150.00. Baki hutangnya yang tertangguh yang belum dijelaskan iaitu sebanyak RM850.00 akan dicampur dalam penyata kad bulan hadapannya.⁵⁰

Kadar keuntungan yang diperolehi oleh AMBB ialah sebanyak 12% secara tahunan berdasarkan akad BBA sebagai bayaran perkhidmatan. Sementara kadar keuntungan 1% akan dikenakan pada setiap bayaran bulanan. Tempoh penggunaan dan kemudahan kad adalah berdasarkan semakan semula tahunan atas budi bicara Bank. Pada tarikh pembaharuan, Bank atas budibicaranya boleh menaikkan atau menurunkan kadar Had Kredit yang diberikan kepada pelanggan.⁵¹

Faedah Penggunaan AMBank Al-Taslif VISA⁵²

Beberapa kemudahan dan faedah boleh dinikmati oleh para pemegang kad kredit Islam AMBB seperti berikut:

1. Kad ini boleh digunakan untuk urusan niaga yang halal di tempat-tempat yang mempunyai tanda VISA di seluruh dunia tanpa perlu membawa wang tunai.
2. Kadar bayaran keuntungan yang tetap dikenakan kepada pemegang kad iaitu sebanyak 12% setahun berasaskan kepada akad BBA dengan bayaran hutang bulanan secara fleksibel dengan hanya dikenakan kadar bayaran 1% meskipun membayar hutang dengan jumlah minimum iaitu 15% daripada keseluruhan hutang.
3. Para pemegang kad akan memperolehi mata bonus RM1.00 bagi setiap perbelanjaan RM100.00. Mata bonus ini boleh digunakan untuk membayar yuran tahunan sebanyak RM80.00 dan RM40.00 bagi pemegang kad tambahan pada tahun berikutnya.
4. Para pemegang kad kredit Islam ditawarkan diskaun untuk mengerjakan umrah di bawah pakej umrah ziarah yang dianjurkan oleh Tina Travel and Agencies Sdn. Bhd. Mereka juga diberikan diskaun tertentu jika membeli pakaian jubah dari butik yang ditentukan oleh AMBB.
5. AMBB akan menawarkan dua kad tambahan kepada sesiapa yang dikehendaki oleh pemegang kad dengan yuran tahunan sebanyak RM40.00 seorang.
6. Kad kredit Al-Taslif VISA boleh digunakan untuk membayar zakat di Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
7. Liabiliti ke atas penggunaan kad Al-Taslif adalah terhad. Ini berlaku jika kad berkenaan hilang atau dicuri, pemegang kad hanya dikenakan bayaran sebanyak RM125.00 setelah laporan berkenaan dibuat.
8. Beberapa skim takaful seperti Skim Takaful Kemalangan Diri dan Pelan Takaful Keluarga Berkelompok ditawarkan kepada pemegang kad untuk kemudahan awasan pengguna pada masa hadapan.
9. Pemegang kad akan diberikan *hibah* atau hadiah dalam tahun ketiga penggunaan kad hasil daripada keuntungan pelaburan dalam Dana Pelaburan Islam. Dana ini adalah sumbangan 1% dari keuntungan Bank pada tahun tertentu.

Tempat-tempat Yang Tidak Dibenarkan Penggunaan Kad Kredit Al-Taslif⁵³

Para pemegang kad kredit Islam AMBB boleh menggunakan kad tersebut pada tempat-tempat perbelanjaan yang halal di dalam negara mahu pun di luar negara. Namun begitu terdapat tempat-tempat tertentu dengan kod pedagang tertentu tidak dibenarkan menggunakan kad berkenaan dan juga pengeluaran wang tunai di mesin ATM. Apabila urusan dilakukan pada tempat-tempat yang diharamkan, maka urusan itu akan terbatal. Berikut adalah kod pedagang (*Merchant Code*) bagi urusan yang tidak dibenarkan:

1. F-Restoran dengan kod 5813 untuk bar, tempat minuman keras, disko, kelab malam dan minuman keras. Semenata kod 5921 adalah untuk gudang-gudang pembungkusan *beer, wine* dan *liquor*.
2. R-Jualan Runcit. Kod 7297 adalah untuk rumahurut. Kod 7932 adalah untuk *billiard* dan *pool establishment* (kelab seperti snooker). Kod 7273 adalah untuk *dating* dan *escort services*. Kod 7994 adalah untuk pusat permainan video.
3. U-*Unique* yang merujuk kepada tiket loteri, kasino dan pertaruhan di trek perlumbaan dengan kod 7995. Sementara kod 5933 adalah untuk kedai pajak gadai konvensional.
4. C-Pinjaman atau Pengeluaran Tunai (*Cash Advance*) dengan kod 6010 untuk pengeluaran tunai secara manual seperti akaun deposit, cek pengembara, tukaran wang asing, *money order*, barangan berharga dan bon simpanan.
5. Z-Pengeluaran wang tunai di ATM dengan kod perdagangan 6011.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa prinsip-prinsip muamalah Islam yang telah dibincangkan oleh para Fuqaha' terdahulu boleh diamalkan dalam urusan perbankan dan kewangan moden melalui kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur tertentu. Kad kredit AMBank Al-Taslif VISA yang dikeluarkan oleh Arab-Malaysian Bank Berhad yang selari dengan hukum Syarak adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan para pelanggan dalam menjalankan urusan di zaman *e-commerce* dan globalisasi. Pengeluaran kad Al-Taslif yang berasaskan kepada akad BBA antara pemegang kad dengan Bank (Arab-Malaysian Bank Berhad) iaitu akad jual beli aset yang sah secara tangguh, dapat mengelakan daripada traksaksi yang mengandungi unsur riba sebagaimana dalam transaksi kad kredit konvensional yang dikeluarkan oleh bank-bank konvensional. Berasaskan kepada realiti yang ada, kad kredit Islam akan dapat bersaing secara sihat dengan kad kredit konvensional dan diyakini kelebihan kad ini akan terserlah keunggulannya pada suatu hari nanti.

Nota Hujung

1. Seterusnya ianya akan disebut sebagai BBA.
2. Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram al-Ansarī (m. 711/1311-12), *Lisān al-‘Arab*, Beirut, t.t., s.v. *bay‘*.
3. *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah*, perkara 105.
4. Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Wahid al-Siwasī (m. 861/1457), *Sharḥ Fath al-Qadīr*, Kaherah, 1980, Vol. VI, hal. 247; Muḥammad al-Sharbinī al-Khatīb (m. 1560M.), *Mughnī al-Muhtāj*, Kaherah, 1958, Vol. II, hal. 2; Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad (m. 620/1223), *al-Mughnī*, (ed.) Muḥammad Sālim Muhaysin dan Sha‘bān Muḥammad Ismā‘īl, Kaherah dan Riyād, t.t., Vol. IV, hal. 2; al-Kasani, ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr b. Mas‘ūd (m. 587/1191), *Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘ Fī Tartīb al-Sharā‘i‘*, Beirut, 1982, Vol. V, hal. 133; Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn b. ‘Umar (m. 1306/1888), *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār (Ḥāsiyyah Ibn ‘Abidīn)*, Beirut, 1399/1979, Vol. IV, hal. 3; al-Nawawī, Abū Zakariyyā b. Sharaf (m. 676/1277), *Minhāj al-Tālibīn*, Maktabah al-Thaqāfah, t.t., hal. 94.
5. ‘Abd Allāh b. ‘Umar (m. 615H), *al-Ghāyah al-Quswā fī Dirāsah al-Fatwā*, ‘Alī Muḥy al-Dīn (ed.), Dār al-Nashr li al-Tibā‘ah al-Islāmiyyah, Baghdaḍ, t.t., Vol. I, hal. 455.
6. Ibn Manzūr, *op. cit.*, s.v. *thaman*; Aḥmad ‘Atīya Allāh, *al-Qāmūs al-Islāmī*, Qaherah, t.t., Vol. I, hal. 542.
7. Al-Baqarah (2): 282.
8. Mohd. Bakir Haji Mansor (ed.), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, BIRT, Kuala Lumpur, 1998, hal. 44.
9. *Ekonomi Islam: Pengenalan, Sistem dan Kemungkinan*, al-Rahmaniah, Selangor, 1989, hal. 38.
10. *Al-Mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah wa al-‘Amaliyyah li al-Bunūk al-Islāmiyyah*, Vol. V, hal. 384.
11. Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam: Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur, 1989, hal. 21-22; BIMB, Paper of Seminar (Module III: Al-Bay‘ Bithaman Ajil), BIMB, KL, 1994, hal. 1; Bank Negara Malaysia, *Guidelines on Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) for Commercial Banks*, Kuala Lumpur, 1993, hal. 4.
12. Lihat Muḥammad ‘Uqlah Ibrāhīm, *Ḥukm Bay‘ al-Taqsīt fī al-Sharī‘ah wa al-Qānūn*, Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, Jordan, 1987, hal. 12-13.
13. Al-Baqarah (2): 275.
14. Seperti dicatat oleh Muhamad Kamal Azhari, *Bank Islam: Teori dan Praktik*, Dewan Pustaka Fajar, 1993, hal. 91.
15. Al-Baqarah (2): 198, “*Tidak ada dosa bagi kamu mencari rezeki kurnia*

(keuntungan hasil perniagaan) dari pada Allah Tuhanmu”.

16. Al-Shāfi'ī, Muḥammad b. Idrīs (m. 204/820), *Al-Umm*, Dār al-Fikr, Beirut, 1990, Vol. III, hal. 94.
17. Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. al-Mughīrah (m. 256/870), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (tr.) Muḥammad Muhsin Khan, Lahore, 1983, Vol. III, “*Kitāb al-Buyū'*”, hal. 94 (No. 282).
18. Mālik bin Anas al-Aṣbahī (m. 179/795), *al-Muwatta'*. Versi Yahya b. Yahya al-Laythī, ed. Faruq al-Sa'd, Beirut, 1983, “*Kitāb al-Buyū'*”, hal. 437 (No. 1380).
19. Osman Sabran, *Urusniaga al-Bay' Bithaman Ājil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*, Universiti Teknologi Malaysia, 2000, hal. 7-8.
20. Al-Shāfi'ī, *op. cit.*, Vol. II, hal. 201.
21. Mālik bin Anas, *op. cit.*, hal. 437.
22. Ibn Qudāmah, *op. cit.*, Vol. IV, hal. 193.
23. Ibn al-Humām, *Fath al-Qadīr*, Vol. V, hal. 272-273.
24. 'Abd al-Rahmān al-Jazirī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, Dār al-Turāth al-'Arabī, Beirut, t.t., Vol. IV, hal. 272.
25. Al-Khaṭīb, *op. cit.*, Vol. II, hal. 7-8; al-Bujairimī, *Bujairimī 'Alā al-Khaṭīb*, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, Kaherah, 1951, Vol. III, hal. 2.
26. Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, Vol. IV, hal. 273.
27. Al-Maltawī, *Fiqh al-Mu'āmalah 'Alā al-Madhhab al-Imām Mālik*, Kaherah, 1973, hal. 73; Cf. Osman Sabran, *op. cit.*, hal. 13.
28. Ibn Humām, *op. cit.*, Vol. V, hal. 74.
29. Al-Bukhārī, *op. cit.*, Vol. III, hal. 241 (No. 438); Ibn Mājah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Yazīd al-Qazwīnī (m. 273/886), *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Kaherah, t.t., Vol. II, “*Kitāb al-Tijārat*”, hal. 732 (No. 2167).
30. Liḥaṭ umpamanya Ibn 'Ābidin, *op. cit.*, Vol. IV, hal. 6; al-Dusūqī, Shaikh Shams al-Dīn (m. 1230/1814), *Hāsyiyah al-Dusūqī 'Alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Kaherah, 1954, Vol. III, hal. 3.
31. Faizah Hj. Ismail, *Asas-asas Muamalah Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL, 1995, hal. 70-74.
32. Al-Kāsānī, *op. cit.*, Vol. V, hal. 137.
33. Muḥammad al-Sharbinī al-Khaṭīb, *op. cit.*, Vol. II, hal. 8; al-Ramlī, Muḥammad b. Aḥmad b. Hamzah (m. 1004H.), *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, Kaherah, 1192H., Vol. III, hal. 8.
34. Wabbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Dār al-Fikr, Beirut, 1989, Vol. IV, hal. 111.
35. Al-Sanhūrī, *Maṣḍar al-Ḥaqq*, Kaherah, 1967, Vol. I, hal. 130.
36. Arab Malaysian Development Bank, *Laporan Tahunan 1984*, hal. 2.

37. AHB, *Laporan Tahunan 1992*, hal. 13.
38. AHB, *Laporan Tahunan 2000*, hal. 21.
39. AMMB Holdings Berhad.
40. AMBB.
41. Perkataan *al-taslif* diambil daripada Hadith Rasulullah SAW berhubung dengan *bay' al-salaf*. Ia didefinisikan sebagai akad jualan barangan dengan pembayarannya ditangguhkan pada masa hadapan. Lihat Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī al-Nisābūrī (m. 261/875), *Ṣaḥīḥ Muslim, Dār al-Iḥyā' al-Turath al-'Arabī*, Beirut, t.t., Vol. III, hal. 1226-1227.
42. Arab-Malaysian Banking Group: Information Centre, [Http://www.ambg.com.my/html/infor.html](http://www.ambg.com.my/html/infor.html), 4 Ogos 2001.
43. AMBB, *AMBB Islamic Credit Card Product Brief*, AMBB, KL, 1996, hal. 1.
44. Had deposit marginal ialah jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh AMBB kepada pemegang kad untuk tempoh satu tahun.
45. Redzuan bin Muhamad, "Kad Kredit Islam: Satu Kajian di Arab-Malaysian Bank Berhad", Kertas Projek di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sesi 2000/2001, hal. 31-32.
46. *Ibid.*, hal. 35.
47. AMBB, *Perjanjian Jualbeli Aset Antara Pemegang Kad dan AMBB*, Kuala Lumpur, t.t.
48. *Ibid.*
49. *Ibid.*
50. *Ibid.*
51. *Ibid.*
52. AMBB, *Risalah Kad AMBank Al-Taslif VISA*, KL., t.t.
53. AMBB, *AMBank Islamic Credit Card Product Brief*, KL, 1996, hal. 9.